

15/05/1997

Media Islam perlu tangkis tohmah Barat

Mohd Shah Abdullah

BEKAS Setiausaha Agung Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato), Willy Claes pernah berkata, Islam sekarang adalah ancaman besar kepada Barat seperti ancaman Komunis sebelum kejatuhan Soviet Union. Tidak hairanlah bagi menangani `ancaman' Islam itu, Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) mewujudkan pakatan dan kerjasama strategi ketenteraan dengan beberapa negara, termasuk Israel, Mesir, Tunisia, Maghribi dan Algeria bagi memerangi (baca: membunuh) gerakan Islam yang dicop sebagai fundamentalis.

Tulisan Thussu boleh dianggap sebagai satu daripada beberapa tulisan yang mewakili pandangan bagi mempertahankan kewibawaan umat Islam daripada terus menerima label dan konotasi negatif; Islam yang disinonim dengan gerakan militan, fundamentalis, agresif, penjenayah, penganas, suka bermusuh, bertumpah darah dan pelbagai lagi jolokan negatif.

Begitulah Islam, agama yang sering disalah mengertikan, antara hakikat sebenar keindahan Islam dan kebobrokan perilaku segelintir penganutnya. Islam dilihat seolah-olah tidak mempunyai sumbangan dan saham terhadap pembentukan tamadun serta dilihat tidak relevan dalam konteks perkembangan sosiobudaya, sosiopolitik dan ekonomi semasa.

Di Amerika, pandangan stereotaip Islam jelas tergambar menerusi budaya popular bikinan Hollywood, contohnya dalam filem True Lies (Arnold Schwarzenegger) yang membunuh 80 penganas, semuanya orang Arab. Sebuah lagi filem Executive Decision (dibintangi Kurt Russel) menggambarkan `penganas' Islam Chechen membunuh orang awam Barat yang tidak berdosa dan kemudian merampas pesawat, kononnya dengan misi untuk menakluki Washington.

Di Britain, perbuatan segelintir umat Islam membakar beberapa naskhah novel Satanic Verses karya Salman Rushdie juga menggambarkan stereotaip buruk terhadap orang Islam. Sebaliknya, di Perancis, orang Islam berdepan dengan cabaran getir, menghadapi penindasan rejim pemerintah yang menafikan hak memakai jilbab untuk wanita.

Di Jerman dan rantau Balkan, prejudis terhadap warga Islam Turki begitu kuat, manakala di Russia, umat Islam ketika meletusnya peperangan di Chechen dilihat sebagai `pengedar dadah dan penjenayah'.

Episod demi episod malang terus melanda umat Islam di Barat yang kononnya memperjuangkan faham demokrasi dan memastikan wujudnya keadilan, kebenaran dan kesaksamaan. Usaha Barat menjadi lebih mudah dan berkesan, terutama dengan penguasaan media mereka yang terlalu unggul dan dominan. Menerusi teknologi satelit dan kabel, dunia Barat atau lebih tepat media di dalam cengkaman Anglo-Amerika menguasai rangkaian media cetak dan elektronik secara sistematik serta berkesan sekali.

Pengaliran berita antarabangsa menerusi agensi berita televisyen seperti Reuters Television, Worldwide Television News dan APTV; di samping laporan daripada rangkaian televisyen satelit dan kabel seperti CNN, Sky, Voice of America dan Rangkaian Perkhidmatan Dunia BBC, memonopoli aliran maklumat antarabangsa.

Menurut Thussu lagi, empat agensi berita raksasa dunia - Associated Press (AP), United Press International (UPI), Reuters dan Agence France Presse (AFP) menguasai kira-kira 80 peratus aliran berita dan maklumat dunia. Secara sedar atau tidak, agensi berita itu menyebarkan maklumat dan berita semasa mengikut kepentingan kaca mata Anglo-Amerika, jauh sekali mengambil kira kepentingan Dunia Ketiga, lebih-lebih lagi pandangan dunia

Islam.

Sebuah buku yang membincangkan dengan mendalam mengenai penguasaan media Anglo-Amerika ini pernah ditulis oleh sarjana komunikasi Britain, Jeremy Tunstall dalam bukunya 'The Media are American' (1977).

Malangnya, sikap kebanyakan akhbar atau media di Negara Selatan sendiri wajar juga dipersalahkan. Sebagai contoh di India, masih banyak di kalangan medianya terus mengguna pakai berita, komentar dan rencana daripada akhbar serta majalah Barat, kerana memang wujud semacam perjanjian persefahaman untuk berbuat demikian. Lagi mudahlah Barat menyebarkan pengaruhnya, terutama dengan membentuk agenda berita yang menepati kehendak, wawasan dan citarasa Barat sendiri.

Lebih parah lagi, kebanyakan wartawan di Negara Selatan, terutama yang berkhidmat dengan kategori media elit, bukan saja bermegah dengan penguasaan bahasa Barat, terutama Inggeris, malah meniru konsep nilai berita dan gaya/stail penulisan Barat. Kesannya, masalah yang berlaku di negara Selatan sendiri gagal dianalisis mengikut perspektif budaya dan kepentingan setempat.

Cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya media di negara Islam menyebut 'pengganas Kristian' atau 'pengganas Katolik' ketika merujuk keganasan yang dilakukan oleh bukan Islam dalam 'Simposium Antarabangsa Mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat' di Kuala Lumpur, baru-baru ini harus dilihat sebagai reaksi dan tindak balas menangani sikap dan tindak-tanduk media Barat selama ini.

Hakikatnya, sikap negatif dan prejudis media Barat memang ketara. Contoh yang diberi oleh Dr Mahathir bagaimana media Barat tidak mengaitkan kegiatan pengganas Irish (IRA) dengan agama mereka adalah relevan sekali. Begitu juga perbuatan pengganas Serb membunuh orang Islam di Bosnia. Mereka tidak dikatakan pengganas Kristian atau Katolik Serb. Memang selama ini hanya orang Islam, pertubuhan Islam dan gerakan Islam saja yang sering mendapat imej dan gambaran buruk. Adakah semestinya setiap berlaku gegaran letupan bom di kota London, Washington, Los Angeles atau Paris, ia dilakukan oleh 'terrorist' Islam sedangkan tidak pernah pula mereka yang disyaki bersalah itu diadili dengan wajar dan saksama.

Cadangan wartawan veteran Mazlan Nordin dalam ruangan mingguannya di New Straits Times 'Personally Speaking' (Jumaat 2 Mei) yang mengharapakan kemunculan Rangkaian Alternatif Media Muslim sebelum berakhirnya abad ke-20 ini juga menjadi cabaran kepada pengamal media yang komited, terutama bagi mencari jalan bagi mempertahankan dan memperkukuh martabat Islam daripada serangan bertubi musuh Islam.

(END)